

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 15.6.2015

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pencapaian Gelombang Pertama (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam mengubah sistem yang memberi sokongan kepada guru dan penekanan kepada kemahiran teras.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah memasuki tahun akhir bagi gelombang pertama. Fokus gelombang pertama ialah mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan terhadap kemahiran utama. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mencapai kejayaan melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- i. Meningkatkan standard pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru melalui bimbingan secara khusus terutama dalam mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Guru-guru telah didedahkan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menjadi teras kemahiran pengajaran abad ke-21 melalui

latihan, bengkel, bimbingan dan modul-modul atas talian secara berterusan.

- ii. Mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan guru-guru opsyen melalui pengujian dan program peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris secara berterusan.
- iii. Melalui Program Transformasi Daerah, SISC+ dan SIPartner+ telah diberi latihan untuk meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya mereka boleh menjadi agen untuk melatih dan memberi sokongan kepada guru-guru dan pemimpin sekolah dari aspek PdP dan kepimpinan pendidikan yang berkesan.
- iv. Sebahagian besar inisiatif yang dilaksanakan telah menunjukkan kesan positif kepada peningkatan kualiti sekolah. Berdasarkan analisis kualiti sekolah berdasar *band* 2014, sebanyak 36% sekolah telah berada dalam band 1 dan 2, sementara hanya 0.96% sekolah-sekolah yang berada dalam band 6 dan 7.
- v. Pemantapan barisan kepimpinan sekolah dengan mengubah syarat pemilihan dan pelantikan Pengetua dan Guru Besar dengan syarat-syarat baharu berdasarkan merit dan kompetensi dalam kalangan mereka yang berprestasi tinggi.
- vi. Dasar pengambilan calon guru juga telah ditambah baik dengan meningkatkan syarat pengambilan. Calon guru juga bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga mesti melepasi ujian kelayakan dan tapisan yang ditetapkan.